

# LAPORAN TAHUNAN



# PEJABAT PERUNDANGAN UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

[legal.usm.my](http://legal.usm.my)





# Isi Kandungan

## Profil Korporat

- 03 Dari Meja PUU
- 04 Misi & Visi
- 05 Tugas & Fungsi
- 07 Carta Organisasi

## Laporan Setiap Seksyen

- 08 Laporan Penasihat Perundangan
- 09 Laporan Seksyen Tatatertib, Governan Dan Auditan
- 13 Laporan Seksyen Pengurusan Kontrak Perolehan & Harta Intelek
- 16 Laporan Seksyen Penggubalan & Pengurusan MOU/MOA
- 22 Laporan Seksyen Litigasi, Guaman & Sewaan
- 27 Laporan Seksyen Kampus Kesihatan & Kecuaian Perubatan
- 29 Laporan Unit Integriti
- 40 Laporan Seksyen Tatatertib Pelajar
- 42 Laporan Seksyen Polisi (e-Perundangan)

## Latihan & Aktiviti

- 45 Laporan Latihan & Aktiviti

## Penutup

- 53 Rumusan



**PEJABAT PERUNDANGAN**  
**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**



# Dari Meja PUU

Seperti kelaziman setiap tahun, Pejabat Perundangan akan menyediakan laporan terperinci berkenaan dengan segala aktiviti, data, pencapaian dan statistik yang telah dilaksanakan dan dilengkapkan oleh warga Pejabat Perundangan. Tahun 2022, adalah tahun pemulihan selepas dua tahun dunia dilanda wabak Covid-19. Pejabat Perundangan telah berfungsi secara penuh bagi melaksanakan tanggungjawab dan tugas hakiki serta amanah yang dipertanggungjawabkan kepadanya.

Tahun 2022 menyaksikan antara yang jelasnya adalah peningkatan jumlah Memorandum Perjanjian dengan kolaborator antarabangsa, statistik tatatertib staf dan pelajar yang berkurangan serta pemantapan governan e-kerja luar, kutipan hutang RLKA/RPTKA dan statistik jumlah salah laku integriti yang menunjukkan situasi dan kadar terkawal.

Pencapaian pada tahun 2022 termasuklah kejayaan pemuktamadan 34 statut USM yang menjadi salah satu pencapaian besar Pejabat Perundangan yang mana statut USM menjadi statut pertama yang digazetkan secara penuh oleh sesebuah Universiti Awam di Malaysia.

Adalah diharapkan yang laporan tahunan Pejabat Perundangan 2022 dapat memberikan gambaran jelas berkenaan segala hal ehwal perundangan dan governan yang berlaku di Kampus Induk dan semua Kampus Cawangan USM dan Pejabat Perundangan komited untuk memberikan perkhidmatan perundangan terbaik kepada USM dan warganya.

Sekian.

Dr Khairul Anuar Che Azmi  
Penasihat Undang-Undang  
Universiti Sains Malaysia



# Misi dan Visi Pejabat Perundangan USM

## Visi

Untuk Melindungi Dan Memelihara Undang-Undang, Etika, Tadbir Urus dan Integriti Universiti Sains Malaysia

## Misi

Pejabat Perundangan komited untuk menjadi;

Sebuah pejabat yang bertanggungjawab dan mesra dalam menyediakan perkhidmatan undang-undang kepada Universiti.

Sebuah pejabat yang inovatif dan terbaik dari segi pelaksanaan perkhidmatan undang-undang dan integriti.

Sebuah pejabat yang boleh diharapkan dan dipercayai dalam menyediakan perkhidmatan undang-undang dan governan yang berkesan kepada Universiti apabila menguruskan isu-isu perundangan, tadbir urus dan perkara berkaitan tata tertib.

Sebuah pejabat khusus yang mempamerkan komitmen profesional kepada Universiti.

Pejabat yang memberikan nasihat undang-undang yang terbaik kepada Universiti dan warganya.



# Fungsi Penasihatatan

**Menasihati** Universiti dalam semua hal perundangan yang melibatkan governan, polisi dan pentadbiran am, pembangunan, hal ehwal staf dan pelajar, kampus dan akademik;

**Menasihati** Universiti mengenai tafsiran bagi mana-mana peruntukan perundangan seperti Akta Universiti Dan Kolej Universiti 1971 (AUKU), Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib Dan Surcaj) 2000 (Akta 605), Perlembagaan Universiti Sains Malaysia (Perlembagaan), Statut, Kaedah, Peraturan, keputusan kehakiman, MoU, MoA, pekeliling dan garis panduan yang berkaitan dengan kepentingan Universiti;

**Menasihati** Lembaga Gabenor Universiti (Lembaga), Senat, Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor, Pendaftar, Bursar, Ketua Pustakawan, pihak berkuasa dan pegawai Universiti yang lain berkaitan dengan fungsi, kuasa dan kewajipan yang diperuntukan di bawah AUKU, Akta 605, Perlembagaan, Statut, Kaedah, Peraturan yang dibuat oleh Universiti dan perundangan lain;

**Mewakili** Universiti dalam mesyuarat atau perbincangan berkaitan isu-isu perundangan yang melibatkan kepentingan Universiti dengan pihak luar seperti Kementerian Pengajian Tinggi;

**Menasihati** Universiti dalam urusan berkaitan tindakan tatatertib yang diambil terhadap staf dan pelajar Universiti supaya selaras dengan peruntukan undang-undang;

**Menasihati** Universiti dalam semua aspek mengenai hak, liabiliti tanggungrugi dan isu-isu berkenaan perundangan kecuaiian perubatan, harta intelek dan pengkomersilan Universiti;

**Berkongsi** kefahaman kepada staf dan pelajar Universiti berkaitan AUKU, Perlembagaan, Statut, Kaedah dan Peraturan yang dibuat oleh Universiti;

**Memberi** khidmat nasihat perundangan kepada mana-mana staf dan pelajar Universiti; dan

**Menyedia** laporan dan pandangan perundangan bagi hal-hal yang membawa implikasi perundangan kepada Universiti dan Kementerian Pengajian Tinggi.



# Fungsi Gubalan

Mengkaji, menyemak, mencadang dan meminda peruntukan-peruntukan yang terdapat dalam undang-undang tubuh Universiti, Perlembagaan, Statut, Kaedah dan Peraturan Universiti supaya selaras dengan AUKU;

Mengadakan perundingan dengan pihak luar negara, kerajaan, universiti tempatan dan luar negara dan sektor swasta mengenai terma-tema dan syarat-syarat MoU dan MoA bagi memelihara kepentingan Universiti;

Menyedia surat cara atau dokumen bagi urusan pengambilan tanah, kontrak penyewaan, tender, sebutharga, isu pembayaran kepada pihak-pihak yang menuntut dan apa-apa pertikaian antara pihak kontraktor dengan Universiti;

Menyedia, menderaf, menyemak dan memperakukan *Non-Disclosure Agreement (NDA)*, *Memorandum of Understanding (MoU)* dan *Memorandum of Agreement (MoA)* berkaitan hal akademik, korporat dan komersial yang akan ditandatangani oleh Universiti; dan

Mewakili Universiti untuk berunding hal perundangan dengan pihak Kementerian Pengajian Tinggi dan Jabatan Peguam Negara dalam pindaan dan penggubalan Akta yang berkaitan pengajian tinggi seperti AUKU, Statut, Kaedah dan garis panduan seperti Garis Panduan MoU, MoA dan lain-lain.

# Fungsi Guaman

Memantau dan melaporkan kepada Universiti kes-kes mahkamah yang melibatkan Universiti, staf dan pelajarinya;

Menyelia prestasi panel peguam luar yang dilantik oleh Universiti dan membantu kerja-kerja penyelidikan dan penyediaan pliding, memfailkan aduan atau balasan Universiti dalam kes mahkamah;

Meneliti saman, menandatangani affidavit dan dokumentasi perundangan untuk dikemukakan kepada mahkamah;

Menghadiri perbincaran mahkamah dan mengadakan perbincangan dengan panel peguam bagi kes-kes litigasi yang melibatkan Universiti;

Membuat rundingan dengan pihak bertentangan bagi penyelesaian di luar mahkamah;

Mengendalikan kes-kes pecah kontrak Universiti;

Mengendalikan kes-kes kecuai perubatan; dan

Mewakili Universiti mendapatkan hutang yang terakru melalui tindakan guaman.






PROFESOR DATO' DR. FAISAL RAFIQ MAHAMID ADIKAN, FASc.  
NAIB CANSOLOR  
(SEHINGGA OKTOBER 2022)



PROFESOR DATO' GS. DR. NARIMAH BINTI SAMAT  
MENJALANKAN FUNGSI NAIB CANSOLOR  
(OKTOBER-DISEMBER 2022)


# CARTA ORGANISASI PEJABAT PERUNDANGAN 2022





## Pandangan Perundangan

Pandangan Perundangan merupakan satu penjelasan bertulis perundangan yang memberi syor, pandangan serta khidmat nasihat kepada Universiti dalam aspek governans dan perundangan negara. Pandangan Perundangan juga diberikan kepada mana-mana pihak di pelbagai peringkat pengurusan mahupun individu dalam Universiti yang memerlukan kepada bentuk penasihatn, tafsiran atau tindakan wajaran yang perlu secara rasional menurut perundangan. Pada tahun 2022, terdapat 156 pandangan perundangan bertulis yang telah dikeluarkan oleh PUU. Jumlah ini mencatatkan peningkatan berbanding tahun 2021 dan tahun-tahun sebelumnya.



STATISTIK PANDANGAN PERUNDANGAN 2018 -2022






PEJABAT  
**PERUNDANGAN**  
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA


Laporan  
Seksyen Tataatertib,  
Governan & Auditan

LAPORAN TAHUNAN 2022 | PEJABAT PERUNDANGAN USM


### KES TATATERTIB 2022 MENGIKUT JANTINA



### STATISTIK JENIS KESALAHAN TATATERTIB TAHUN 2022




### STATISTIK HUKUMAN TATATERTIB TAHUN 2022






STATISTIK KES TATATERTIB MENGIKUT  
KUMPULAN PEKERJAAN TAHUN 2022



TARIKH MESYUARAT TATATERTIB STAF 2022




## PENGISYTIHARAN HARTA 2022

Bagi tahun 2022, perisytiharan harta yang didaftarkan melalui sistem e-harta yang terdiri daripada pelbagai kumpulan perkhidmatan di Kampus Induk, Kejuruteraan, Kesihatan, IPPT dan Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) adalah seramai **863** orang.



STATISTIK PERISYTIHARAN HARTA MENGIKUT KUMPULAN PERKHIDMATAN DAN KAMPUS BAGI TAHUN 2022








PEJABAT  
**PERUNDANGAN**  
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Laporan  
Seksyen Pengurusan Kontrak  
Perolehan & Harta Intelek

LAPORAN TAHUNAN 2022 | PEJABAT PERUNDANGAN USM

BILANGAN PERJANJIAN KONTRAK YANG TELAH DIGUBAL/  
DISEMAK OLEH SEKSYEN INI BAGI TAHUN 2022



BILANGAN PERJANJIAN KONTRAK PEROLEHAN  
YANG TELAH SEMAK BAGI TAHUN 2022

KONTRAK PEROLEHAN	BILANGAN
Perolehan Bekalan	86
Perolehan Kerja	68
Perolehan Perkhidmatan	27
<b>JUMLAH</b>	<b>181</b>

BILANGAN PERJANJIAN KONTRAK LAIN-LAIN  
YANG TELAH SEMAK BAGI TAHUN 2022


KONTRAK LAIN-LAIN	BILANGAN
Kontrak Syarikat	76
Pool Procurement	11
<b>JUMLAH</b>	<b>87</b>



NILAI PERJANJIAN KONTRAK  
PEROLEHAN BAGI TAHUN 2022

KONTRAK PEROLEHAN	NILAI (RM)
Perolehan Bekalan	50,447,538.04
Perolehan Kerja	76,754,609.93
Perolehan Perkhidmatan	12,444,652.72
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>139,646,800.69</b>


% NILAI PERJANJIAN KONTRAK  
PEROLEHAN BAGI TAHUN 2022



NILAI PERJANJIAN KONTRAK  
LAIN-LAIN BAGI TAHUN 2022

KONTRAK LAIN-LAIN	NILAI (RM)
Kontrak Syarikat	750,779.08
Pool Procument	17,400,518.60
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>18,151,297.68</b>

% NILAI PERJANJIAN KONTRAK LAIN-  
LAIN BAGI TAHUN 2022





PEJABAT  
**PERUNDANGAN**  
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA


Laporan  
Seksyen Penggubalan &  
Pengurusan MOU/MOA

LAPORAN TAHUNAN 2022 | PEJABAT PERUNDANGAN USM




## PERBANDINGAN JUMLAH KOLABORASI TEMPATAN DAN ANTARABANGSA UNTUK TAHUN 2022

	MOU	MOA
TEMPATAN	69	145
ANTARABANGSA	74	82
JUMLAH	143	227
JUMLAH KESELURUHAN	370	






### CARTA 10 NEGARA TERATAS YANG TELAH MENANDATANGANI MOA & MOU BAGI TAHUN 2022




Rank	Country	Nos
1	Japan	25
2	Indonesia	24
3	China	19
4	United States of America	7
5	India	7
6	United Kingdom	7
7	Singapore	5
8	Thailand	5
9	Germany	4
10	Philippines	3



PERBANDINGAN BILANGAN MOA DAN MOU YANG TELAH DITANDATANGANI PADA TAHUN 2022



PERBEZAAN JUMLAH MOA DAN MOU DARI TAHUN 2020-2022



TAHUN	MOU	MOA	JUMLAH
2020	88	160	248
2021	118	223	341
2022	127	207	334

## STATISTIK KEPELBAGAIAN DOKUMEN MOU DAN MOA YANG DITANDATANGANI PADA 2022

BIL.	JENIS DOKUMEN	JENIS KOLABORASI	TEMPATAN	ANTARABANGSA	JUMLAH
1.	MOU		66	61	127
1.	MOA	Academic Collaborations / Exchanges Agreement	2	6	8
2.		Academic Programs (Dual Degree / Joint Degree)	0	1	1
3.		Clinical Trial Agreement (USAINS)	0	0	0
4.		Clinical Trial Agreement (USM)	0	0	0
5.		Collaboration Agreement (General/Various Collaboration)	33	9	42
6.		Database Subscription Agreement	0	0	0
7.		Donation / Endowment Agreement	2	0	2
8.		E-Book Publication / Licencing Agreement (PENERBIT USM)	0	1	1
9.		Industrial PHD Agreement	0	0	0
10.		Industrial Training / Internship Agreement	3	2	5
11.		Intellectual Property Agreement	1	0	1
12.		Licensing and Commercialization	0	0	0
13.		Material Transfer Agreement	3	1	4
14.		Miscellaneous Agreements	2	1	3
15.		Non-Disclosure Agreement / Confidentiality	33	4	37
16.		Off-Shore Program Agreement	1	1	2
17.		Research Collaboration Agreement	41	21	62
18.		Research Grant Agreement	9	5	14
19.		Research Grant Agreement (Erasmus+ Programme)	0	0	0
20.		Services	2	3	5
21.		Student and Staff Exchange Agreement (Erasmus+ Programme)	0	1	1
22.		Student Scholarship / Sponsorship Agreement	2	0	2
23.		Students and Staff Exchange Agreement	0	13	13
		<b>JUMLAH MOA</b>	<b>125</b>	<b>82</b>	<b>207</b>
		<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>192</b>	<b>142</b>	<b>334</b>



## CARTA 10 PTJ TERATAS YANG TELAH MENANDATANGANI MOA & MOU BAGI TAHUN 2022






PEJABAT  
**PERUNDANGAN**  
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Laporan  
Seksyen Litigasi, Guaman &  
Sewaan

LAPORAN TAHUNAN 2022 | PEJABAT PERUNDANGAN USM




### STATISTIK KES PECAH KONTRAK YANG MASIH AKTIF (282 KES)



**NOTA :**


1 kes melibatkan 2 tuntutan – RPTKA & Cuti Sabatikal

### NILAI JUMLAH TUNTUTAN BAGI KES-KES BARU



STATISTIK PERMOHONAN KERJA LUAR TAHUN 2022


	LULUS	TOLAK	BATAL (PERINGKAT URUSETIA)
KLINIKAL	53	0	6
BUKAN KLINIKAL	115	0	8



STATISTIK PERMOHONAN KERJA LUAR MENGIKUT KAMPUS TAHUN 2022


KLINIKAL

KAMPUS	LULUS	TOLAK	BATAL (DIPERINGKAT URUSETIA)
INDUK	1	0	0
KEJURUTERAAN	1	0	0
KESIHATAN	34	0	4
IPPT	17	0	2
<b>KESELURUHAN</b>	<b>53</b>	<b>0</b>	<b>6</b>



BUKAN KLINIKAL


KAMPUS	LULUS	TOLAK	BATAL (DIPERINGKAT URUSETIA)
INDUK	52	0	4
KEJURUTERAAN	10	0	0
KESIHATAN	51	0	3
IPPT	2	0	1
<b>KESELURUHAN</b>	<b>115</b>	<b>0</b>	<b>8</b>





## STATISTIK E-KERJA LUAR MENGIKUT TAHUN

TAHUN	KLINIKAL	BUKAN KLINIKAL	JUMLAH KESELURUHAN
2018	36	54	90
2019	37	76	113
2020	52	87	139
2021	74	113	187
2022	53	115	168






PEJABAT  
**PERUNDANGAN**  
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Laporan  
Seksyen Kampus Kesihatan &  
Kecuaian Perubatan

LAPORAN TAHUNAN 2022 | PEJABAT PERUNDANGAN USM



## STATISTIK KES MEDICO LEGAL HOSPITAL USM







PEJABAT  
**PERUNDANGAN**  
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

# Laporan Unit Integriti

LAPORAN TAHUNAN 2022 | PEJABAT PERUNDANGAN USM



### JENIS ADUAN INTEGRITI YANG DIADUKAN PADA TAHUN 2022




### KES ADUAN INTEGRITI (ORANG YANG DIADU) MENGIKUT JANTINA TAHUN 2022




### KES INTEGRITI MENGIKUT KAMPUS TAHUN 2022



### KES INTEGRITI MENGIKUT KATEGORI KUMPULAN PEKERJAAN TAHUN 2022



### PENYELESAIAN KES BERDASARKAN ADUAN INTEGRITI (JANUARI - DISEMBER 2022)



- Tiada Kes
- Laporan Kepada Pihak Polis/SPRM/KPT/KPM
- Amaran/ Penasihatn/ Kes Selesai
- Bawa ke Jawatankuasa Ciplakan
- Bawa Ke Jawatankuasa Tatatertib Staf









AKTIVITI UNIT INTEGRITI TAHUN 2022



Integriti sebagai Profesion: Program Pentauliahan ACEIO-USM dalam Usaha Melahirkan Pengamal Integriti Profesional

Selamat Datang Ke  
**KIAR2022**  
KOLOKIUUM INTEGRITI DAN ANTIRASUAH 2022  
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
21 & 22 JULAI 2022  
*Halatujju Dan Cabaran Profesionalisme ACEIO*





UNIT INTEGRITI  
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

USM APEX  
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

BENGKEL PELAN  
**ANTIRASUAH (OACP)**  
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA (USM)  
TAHUN 2023-2028

7 - 10 November 2022  
(Isnin - Khamis)

Dewan Banquet,  
Universiti Sains Malaysia





**UPNM**  
JOM SERTAI BERSAMA

# INTEGRITI DALAM DUNIA AKADEMIK

**15 APRIL 2022**  
10 PAGI - 12 TGH  
JUMAAT



**PROF. MADYA DR. DIAN  
DARINA INDAH BTE DARUIS**  
Moderator

**Penceramah Jemputan  
DR. KHAIRUL ANUAR  
BIN CHE AZMI**  
Penasihat Undang-Undang  
Universiti Sains Malaysia

**Anjuran:** dengan kerjasama:

UNIT INTEGRITI  
Unit Latihan & Kompetensi  
Pejabat Pendaftar  
NADIMASA

[www.upnm.edu.my](https://www.upnm.edu.my)  
unitintegriti@upnm.edu.my  
03-90513400  
ext. 4561/3470/3505

**UMS PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG**

## CERAMAH INTEGRITI PPUU “PADAH SALAH GUNA KUASA”

DAN MEMBINCANGKAN TOPIK AKTA 605:  
SURCAJ, PERLAKSANAAN DI UNIVERSITI &  
PENAMATAN PERKHIDMATAN ATAS KEPENTINGAN  
AWAM

Bersama :  
**Dr. KHAIRUL ANUAR CHE AZMI**  
PENASIHAT UNDANG-UNDANG  
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

[ums.edu.my/ppuu](https://ums.edu.my/ppuu)  
*Justitia Nemini Neganda Est*

**TARIKH: 29 NOVEMBER 2022 (SELASA)**  
**MASA: 10:00 PAGI - 12:00 TGHARI**  
**PLATFORM: WEBEX**  
**PAUTAN: <https://shorturl.at/ANO38>**

Mata IDP disediakan

## SIMPOSIUM INTEGRITI HARA 2022

**UNITING THE WORLD  
AGAINST  
CORRUPTION**

**INTERNATIONAL ANTI-CORRUPTION DAY**  
9<sup>th</sup> DECEMBER 2022  
9.00am – 12.00am

Topics:

- ✓ MNC CORPORATE LIABILITY: KEYS TO CORRUPTION FREE BUSINESS IN MALAYSIA
- ✓ BOOSTING CSR – CORRUPTION PREVENTION ACTIVITIES THROUGH TAX INCENTIVES: BENEFITS FOR MNC's

Lokasi:  
✦ Semarak Hall@  
MP Sepang,  
Cyberjaya.

Sila Scan QR Code  
untuk pengesahan  
kehadiran

# MESYUARAT

PENYELARASAN DI ANTARA IIM DAN  
UNIT INTEGRITI NEGERI-NEGERI  
WILAYAH UTARA

**28 MEI 2022 (SABTU)**  
9.00 PAGI – 1.00 PTG  
DEWAN PERSIDANGAN UNIVERSITI (DPU)  
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
11800 USM, PULAU PINANG

## AGENDA :

9.00 am – Ucapan Aluan oleh ;  
YBhg. Datuk Wan Suraya Binti Wan Mohd Radzi  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Institut Integriti Malaysia (IIM)


9.15 am - Perkongsian hala tuju baharu IIM  
Perkongsian produk dan perkhidmatan IIM  
Perbincangan penyelarasan dan kerjasama strategik

12.00 tgh - Sesi fotografi  
Makan tengahari  
Bersural





# SIASATAN KES INTEGRITI TAHUN 2022



## AKTIVITI INTEGRITI DALAM USM TAHUN 2022

JANUARI 2022	17	Taklimat Gangguan Seksual
	24	Perjumpaan Sekretariat Rakan Integriti Mahasiswa (SRIM) Bersama Penasihat Undang-Undang@Penasihat SRIM

MAC 2022	16	Ceramah Integriti : Saya Yang Menjalankan Amanah
-------------	----	--

APRIL 2022	7	Mesyuarat Jawatankuasa Anti-Rasuah Peringkat USM 1/2022
	22	Ceramah Integriti : Ramadhan, Integriti dan Rasuah

MEI 2022	10	Taklimat " <i>Understanding Copyright &amp; Plagiarism &amp; Copyright Plagiarism</i> "
-------------	----	---

JUN 2022	7	Ceramah : Pemantapan Integriti : Budaya Organisasi
	16	Ceramah : <i>USM's Policy Against Plagiarism</i>

JULAI 2022	2	Integriti dan Mahasiswa
	16	Program Scammer: Penipuan Terancang Atau Kita Senang Tertipu?

OGOS 2022	18	Ceramah : Copyright & Plagiarism -Kursus PdP Pensyarah
--------------	----	--

SEP 2022	28	Taklimat "Do & Don'ts Penggunaan Media Sosial Petugas Kesihatan"
-------------	----	--

OKT 2022	11	Perundangan Universiti & Kesedaran Gangguan Seksual
	25	Etika & Integriti Reflek Reputasi
	28	Program Bicara Varsity Rasuah : Angkatan Mahasiswa Anti-Rasuah (AMAR) USM

NOV 2022	7	Bengkel Pelan Anti-Rasuah Peringkat USM 2023-2027
	8	Perjumpaan SRIM, AMAR dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (BHEPA) Bersama PUU

DIS 2022	5	Taklimat Pengurusan Geran Penyelidikan Berintegriti Tanpa Isu AP59
	8	Mesyuarat Jawatankuasa Anti-Rasuah Peringkat USM 2/2022
	12	Taklimat Anti-Rasuah dan Integriti (Pelajar Kursus Kokurikulum : Kursus Integriti & Anti-Rasuah (KIAR) (WAR122))


## PENGLIBATAN LUAR, KOMUNITI DAN MASYARAKAT 2022

MAC 2022	6	Ceramah Integriti (Bersemuka)	Kastam, Langkawi
APRIL 2022	5	Ceramah : Integriti Akademik @ UTM	Atas Talian
	14	Program Pengukuhan Integriti: "Integriti Seorang Ahli Akademik"	Universiti Malaysia Kelantan
	15	"Integriti Dalam Dunia Akademik" @Universiti Pertahanan Nasional Malaysia	Atas Talian
MEI 2022	28	Mesyuarat Penyelarasan di Antara Institut Integriti Malaysia dan Unit Integriti Negeri-Negeri Wilayah Utara	Dewan Persidangan Universiti
JUN 2022	17	Kunjungan Hormat & Temu Mesra #RasuahBusters & USM	Padang Kawad
JULAI 2022	21-22	Kolokium Integriti dan Antirasuah (KIAR) 2022	Dewan Persidangan Universiti

OGOS 2022	4	Kunjungan Hormat Timbalan Menteri Jabatan Premier (Integriti dan Ombudsman) ke USM	(CCR, USM)
	23	Mesyuarat Bagi Membincangkan Isu Gangguan Seksual di IPT	Atas Talian
NOVEMBER 2022	28	Hari Integriti & Antirasuah 2022 : Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) (Moderator Program)	(Auditorium NCIA)
	29	Ceramah Integriti PPUU - Padah Salah Guna Kuasa @Universiti Malaysia Sabah	Atas Talian
	30	Forum Integriti : Cabaran Di Sektor Pengajian Tinggi Bersempena Sambutan Hari Integriti Nasiolan Tahun 2022 (MPIUA)	Atas Talian
DISEMBER 2022	9	Simposium Integriti HARA 2022: Uniting The World Against Corruption	Semarak Hall@MP Sepang, Cyberjaya)
	15-17	Kem Integriti Mahasiswa Sarawak (KIMASU)	KOMCA, USM



## STATISTIK PENGLIBATAN UNIT INTEGRITI TAHUN 2022



“ Integrity is the quality of being honest and having strong moral principles ”

Unit Integriti Universiti Sains Malaysia  
diletakkan di bawah Lembaga Gabenor  
Universiti berkuatkuasa pada  
2 Disember 2022

## CARTA ORGANISASI UNIT INTEGRITI USM





PEJABAT  
**PERUNDANGAN**  
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

# Laporan Seksyen Tatatertib Pelajar


LAPORAN TAHUNAN 2022 | PEJABAT PERUNDANGAN USM




## MESYUARAT JAWATANKUASA TATATERTIB PELAJAR TAHUN 2022



## BILANGAN KES TATATERTIB TAHUN 2022 MENGIKUT KATEGORI



## STATISTIK JENIS KESALAHAN TATATERTIB PELAJAR 2022






PEJABAT  
**PERUNDANGAN**  
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

# Laporan Seksyen Polisi


LAPORAN TAHUNAN 2022 | PEJABAT PERUNDANGAN USM



Seksyen Polisi telah diamanahkan dengan tanggungjawab dan peranan untuk mentadbir portal e-Perundangan yang menjadi pusat sehati atau repositori yang mengumpulkan kesemua dasar, polisi, garis panduan dan/atau peraturan USM yang pernah diluluskan oleh Pengurusan Tertinggi Universiti/Pusat Tanggungjawab di dalam satu repositori dan pusat sehati bagi memudahkan rujukan dan pelaksanaan polisi, garis panduan, peraturan dan dasar tersebut.



PERBANDINGAN JUMLAH DASAR, POLISI, GARIS PANDUAN & PERATURAN YANG TELAH DIMUAT NAIK DALAM PORTAL E-PERUNDANGAN BAGI TAHUN 2020, 2021 & 2022



“ Sila klik kod QR ini untuk melayari portal e-Perundangan <https://eperundangan.usm.my> ”





PEJABAT  
**PERUNDANGAN**  
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

# Laporan Latihan & Aktiviti 2022

LAPORAN TAHUNAN 2022 | PEJABAT PERUNDANGAN USM



Rujukan : UKM.PUU.500-8/1/1  
Tarikh : 21 Januari 2022

Dr. Khairul Anuar Che Azmi  
Penasihat Undang-Undang  
Pejabat Perundangan  
Aras 2, Bangunan E42  
Canselor II, Universiti Sains Malaysia  
11800 USM, Pulau Pinang

Tuan,  
**PERMOHONAN MENGADAKAN LAWATAN PENANDA ARAS KE PEJABAT PERUNDANGAN,  
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA (USM)**

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Pejabat Penasihat Undang-Undang (PPUU) Universiti Kebangsaan Malaysia berhasrat untuk mengadakan Lawatan Penanda Aras ke Pejabat Perundangan USM pada ketetapan seperti berikut :


Tarikh	:	31 Januari 2022 (Isnin)
Masa	:	10.00 pagi – 4.30 petang
Peserta	:	Tiga (3) orang

3. Untuk makluman pihak tuan, lawatan ini adalah bertujuan untuk berkongsi pengetahuan, pengalaman dan kepakaran berkenaan perjalanan kuasa Senat dalam menjalankan penyelidikan dan pengkomersialan penyelidikan berdasarkan Perlembagaan Universiti di USM. Pihak kami berharap semoga hasil lawatan dan sesi perkongsian bersama ini dapat membantu dan memantapkan lagi tadbir urus di Universiti Kebangsaan Malaysia.

Sekian, perhatian dan maklumbalas daripada pihak tuan berhubung permohonan tersebut amat dihargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

**"CELIK UNDANG-UNDANG KE ARAH INSAN BERHEMAH"**

Yang benar,

  
**PROF. MADYA DR. HANIFF AHAMAT**  
Timbalan Penasihat Undang-Undang  
Pejabat Penasihat Undang-Undang



PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG  
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
Telefon: +603-8921 5101 Faksimili: +603-8921 4126 E-mel: [muntiroh@ukm.edu.my](mailto:muntiroh@ukm.edu.my) Laman Web: <http://www.ukm.my/legal>  
**Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • Inspiring Futures, Nurturing Possibilities** [www.ukm.my](http://www.ukm.my)

MENERIMA LAWATAN PENANDAARASAN  
DARI DELEGASI PEJABAT PENASIHAT  
UNDANG-UNDANG UKM 31 JANUARI  
2022

**SELAMAT DATANG DELEGASI**  
**UNIT INTEGRITI & OMBUDSMAN**  
**UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**





18 MEI 2022

MENERIMA LAWATAN KERJA  
DARI PEJABAT PENASIHAT  
UNDANG-UNDANG DAN  
INTEGRITI UNIMAP






JAMUAN AIDILFITRI PADA 19 MEI 2022









## Menjunjung Kasih Tuanku



1 NOVEMBER 2022

MAJLIS KUNJUNG MENGADAP DYMM RAJA PERLIS  
BAGI MENYEMPURNAKAN UPACARA MENANDATANGANI  
PEWARTAAN STATUT UNIVERSITI SAINS MALAYSIA DI  
BAWAH PERLEMBAGAAN USM & AKTA UNIVERSITI DAN  
KOLEJ UNIVERSITI 1971





24-28 NOVEMBER 2022

LAWATAN PENANDAARASAN PEJABAT  
PERUNDANGAN USM KE UNIMAS





1 DESEMBER 2022

LAWATAN DELEGASI PEJABAT PERUNDANGAN USM  
KE UNIVERSITI UTARA MALAYSIA





# Rumusan

LAPORAN TAHUNAN 2022 | PEJABAT PERUNDANGAN USM

PEJABAT  
**PERUNDANGAN**  
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA



# Rumusan

Setelah 2 tahun dunia dibelenggu oleh pandemik covid-19, tahun 2022 yang disifatkan sebagai tahun pasca-pandemik ini telah memperlihatkan bagaimana Pejabat Perundangan telah berjaya meneruskan kesinambungan pelaksanaan pelbagai program dan aktiviti serta menjalankan fungsi dan tanggungjawabnya seperti sediakala.

Secara keseluruhan berdasarkan laporan tahunan ini, pencapaian Pejabat Perundangan adalah sangat baik dan Pejabat Perundangan akan terus komited dalam memberikan kualiti perkhidmatan terbaik kepada Universiti Sains Malaysia. Terima kasih kepada Naib Canselor, Timbalan-Timbalan Naib Canselor, Pegawai-Pegawai Utama Universiti, Ketua-Ketua Jabatan dan semua pihak yang membantu Pejabat Perundangan dalam

merealisasikan tanggungjawab dan peranan yang diamanahkan.

Setinggi penghargaan buat semua pihak yang terlibat dalam menyediakan Laporan Tahunan 2022 ini. Tidak lupa juga penghargaan kepada semua staf Pejabat Perundangan yang memberikan kerjasama dan komitmen padu dalam menjayakan aspirasi ini. Syukur ke hadrat Ilahi kerana segala upaya dalam melaksanakan pelbagai program mendapat kerjasama daripada semua pihak dan berjalan dengan lancar.

*Sekian*

# Terima Kasih

Copyright©2023, Pejabat Perundangan Universiti Sains Malaysia

## HAK CIPTA TERPELIHARA

Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian dan isi kandungan laporan ini dalam apa jua bentuk sama ada secara elektronik, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat keizinan bertulis daripada Pejabat Perundangan USM

PEJABAT  
PERUNDANGAN  
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

